



Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2  
(Our Ref.) Jld.VII(6)

Tarikh : 9 September 2021  
(Date)

## KEPADA YANG BERKENAAN

### SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK BILANGAN 7 TAHUN 2021

#### AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

#### Tatacara Penghantaran Pruf Pencetak Label Racun Makhluk Perosak dan Penyelarasan Format Bagi Nombor Pendaftaran Racun Makhluk Perosak

## 1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi pemakluman dan penjelasan mengenai penambahbaikan keperluan pruf pencetak label racun makhluk perosak dimana mengambil kira situasi syarikat yang sukar dalam menjalankan perniagaan pada masa pandemik COVID-19 ini, pihak Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) telah mengambil inisiatif untuk memudahkan pihak industri di dalam penyediaan pruf pencetak tersebut.

## 2.0 KEPERLUAN SPESIFIKASI MINIMA PRUF PENCETAK

Pihak LRMP ingin memaklumkan bahawa prosedur penghantaran pruf pencetak label racun makhluk perosak akan ditambahbaik dengan memperkenalkan satu standard minima yang boleh diguna pakai oleh semua syarikat pendaftar racun makhluk perosak di Malaysia. Berikut adalah standard minima pruf pencetak.

1. Menggunakan digital pruf dari syarikat pencetak.
2. Warna digital pruf boleh dilaras mengikut keperluan warna pantone yang ditetapkan oleh LRMP.
3. Menggunakan *digital printing* berbanding *offset printing*.
4. Menggunakan *art paper* 80 gsm.



### 3.0 SYARAT-SYARAT PENGHANTARAN PRUF PENCETAK

Pihak Lembaga telah menetapkan syarat-syarat penghantaran pruf pencetak adalah seperti berikut:

1. Sila kemukakan pruf pencetak sebanyak **3 (tiga)** keping sahaja bagi setiap pek saiz.
2. Kemukakan dalam persembahan sebenar label sama ada label sambungan (extended label), label panjang (lilit), label *layout* kotak dan sebagainya termasuklah sekiranya label tersebut perlu dipotong mengikut saiz sebenar label.
3. Sila lipat label kepada bentuk yang mudah untuk dikendalikan bagi label yang bersaiz besar.
4. Bagi persembahan label depan dan belakang (split label), sila kemukakan label berasingan antara satu sama lain dimana label tersebut tidak boleh dicetak atas sekeping kertas yang sama.
5. Label yang panjang mestilah menggunakan kertas mengikut saiz tertentu dan tidak dibenarkan menampal menggunakan gam atau (cellophane tape) untuk menyambung label tersebut terutamanya bagi label lilit dan label sambungan (extended label)
6. Pruf pencetak tidak boleh ditampal di atas kertas lain.

### 4.0 CARTA ALIR

Pihak Pendaftar adalah diminta merujuk carta alir penghantaran pruf pencetak seperti Lampiran A

### 5.0 FORMAT BAHARU NOMBOR PENDAFTARAN LRMP

Pihak Lembaga telah bersetuju untuk menyelaras format nombor pendaftaran LRMP kepada yang terkini sebagai satu proses penambahbaikan label racun makhluk perosak. Semua nombor pendaftaran racun makhluk perosak akan diseragamkan mengikut format **LRMP.R/XXXX** semasa proses pendaftaran baharu dan pendaftaran semula. Nombor LRMP yang sama akan digunakan tanpa sebarang perubahan untuk pendaftaran semula yang seterusnya. Bagi produk untuk proses tukar label, tambah syor atau tambah pek saiz, nombor LRMP adalah tertakluk kepada nombor sedia ada.

**TARIKH KUATKUASA**

Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini pada **1 Oktober 2021**.

Sekian, harap maklum.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(MAT IESAK BIN NGATHINEE)**  
Setiausaha,  
Lembaga Racun MakhluK Perosak

s.k :  
Pengarah Eksekutif,  
Persatuan Pemeliharaan Tanaman & Kesihatan Awam Malaysia (MCPA)

## **CARTA ALIR TATACARA PENGHANTARAN PRUF PENCETAK**

